

## KDNK tidak boleh diukur ikut dolar Amerika Syarikat

Jumaat 25 Ogos 2017 3:00 Am

PUTRAJAYA – Nilai mata wang dolar Amerika tidak relevan untuk dijadikan ukuran dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kerana ekonomi Malaysia matang dan berada pada kedudukan yang tersendiri.

Timbalan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, tindakan mengukur KDNK dalam dolar Amerika boleh menjelaskan polisi ekonomi dan kedaulatan negara.

Beliau menjelaskan, penyusunan KDNK kini adalah selaras dengan piawaian antarabangsa seperti yang ditetapkan oleh Bank Dunia dan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF).

“Malah ia mengikut ketetapan Jabatan Perangkaan dan digabungkan secara meluas merangkumi semua sektor ekonomi.

“Cadangan agar ekonomi negara diukur dalam dolar Amerika boleh menimbulkan kekeliruan bahkan mencerminkan pemahaman yang lemah tentang bagaimana ekonomi berfungsi,” tegasnya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Persatuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) dalam sebuah portal berbahasa Inggeris yang mencadangkan KDNK diukur dalam dolar Amerika.

Mengulas lanjut Johari menjelaskan, ekonomi Malaysia diukur melalui aktiviti yang diuruskan oleh isi rumah, perniagaan dan kerajaan dalam ringgit kerana ini lebih mencerminkan ekonomi negara.

Tambah beliau, KDNK negara dilaporkan berada pada harga yang sentiasa berubah yang mana ia mengambil kira kesan perubahan harga dan pergerakan kadar pertukaran.

“Dalam kata lain KDNK mencerminkan hanya pada perubahan dalam kuantiti barang dan perkhidmatan yang dihasilkan dalam negara,” katanya.

Johari berkata, Malaysia sememangnya telah mencatat pertumbuhan yang baik iaitu sebanyak 5.8 peratus pada suku tahun kedua tahun ini dan 5.6 peratus pada suku tahun pertama berbanding tempoh yang sama pada 2016.

“Oleh itu, sebagai rakyat Malaysia, kita wajar mengalu-alukan perkembangan (pertumbuhan KDNK ini) dengan terus bekerja keras untuk mencatat pertumbuhan sepanjang tahun ini,” katanya.